



KENYATAAN MEDIA YAB MENTERI BESAR PERAK DARUL RIDZUAN

Prihatin dengan kesan penularan pandemik COVID-19 terhadap rakyat dan komuniti perniagaan, pentadbiran Kerajaan Negeri Perak dengan ini memutuskan untuk melanjutkan tawaran pengecualian denda lewat dan pemberian diskaun untuk tunggakan cukai tanah serta bayaran premium tanah.

Tawaran di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Negeri Fasa Ketiga ini, berkuatkuasa serta merta sehingga 31 Disember 2020, bertujuan meringankan beban rakyat dan komuniti perniagaan dalam tempoh yang amat mencabar ini.

Butiran mengenai insentif ini adalah seperti berikut:

- 1) **Pengecualian denda lewat** bagi Cukai Tanah Berulang sehingga 31 Disember 2020 untuk semua jenis hakmilik.
- 2) **Diskaun untuk pembayaran sekaligus tunggakan:**
 - (i) **Diskaun 30 peratus** bagi tunggakan cukai tanah untuk tunggakan melebihi RM1 juta.
 - (i) **Diskaun 25 peratus** bagi tunggakan cukai tanah antara RM500,000 hingga RM999,999.
 - (ii) **Diskaun 20 peratus** bagi tunggakan cukai di bawah RM500,000.
 - (iii) **Diskaun sebanyak 15 peratus** bagi mereka yang membayar secara ansuran tunggakan cukai tanah sehingga 31 Disember 2020.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut menawarkan **diskaun ke atas bayaran premium tanah bagi Notis 5A dan 7G**.

Bagi premium berjumlah RM5 juta dan ke atas, ia memerlukan kertas pertimbangan khas ke Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) manakala bagi premium bernilai di bawah RM5 juta, diskaun yang ditawarkan adalah seperti berikut:

- (i) **Diskaun 30 peratus** bagi premium melebihi RM3 juta hingga RM4,999,999.
- (ii) **Diskaun 25 peratus** bagi premium antara RM2 juta hingga RM2,999,999.

- (iii) **Diskaun 15 peratus** bagi premium antara RM500,000 hingga RM1,999,999.
- (iv) **Diskaun 10 peratus** bagi premium di bawah RM500,000

Kesemua pemberian diskaun ini bagaimanapun terhad kepada notis yang dikeluarkan bagi tahun semasa dengan pembayaran dibuat sebelum 31 Disember 2020. Pengecualian denda dan tawaran diskaun ini akan impak kewangan berjumlah RM6.65 juta kepada Kerajaan Negeri.

Untuk rekod, Kerajaan Negeri sebelum ini telah menawarkan pengecualian denda lewat dan diskaun ke atas tunggakan cukai tanah serta bayaran premium tanah bermula dari 21 Mei 2020 hingga 31 Ogos 2020, di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Negeri Fasa Kedua.

DATO' SERI AHMAD FAIZAL BIN DATO' AZUMU
Menteri Besar Perak Darul Ridzuan

Isnin, 19 Oktober 2020